

**Anak Samy Vellu sahkan tidak bertanding PRU**  
**Malaysian Insider**  
**16 Ogos, 2012**  
**Oleh Hafidz Baharom**

KUALA LUMPUR, 16 Ogos — S. Vell Paari telah mengesahkan tidak akan bertanding dalam pilihan raya akan datang, menolak dakwaan kehadirannya dalam pimpinan nasional MIC akan meneruskan kesinambungan legasi bapanya, Datuk Seri S Samy Vellu yang berkhidmat selama 11 penggal sebagai presiden parti komponen Barisan Nasional (BN) tersebut.

Kepimpinan Samy Vellu dalam MIC dikatakan telah memecahbelahkan komuniti India.

Penentangan terhadapnya bermula pada 2008 apabila beliau tewas kerusi Sungai Siput.

Beliau telah dipaksa melepaskan jawatannya selaku presiden MIC Januari lalu untuk memberikan peluang kepada pelapis baru dan melaksanakan pembaharuan bagi menarik semula sokongan masyarakat India kepada BN.

Namun Samy Vellu masih lagi mempunyai pengaruh yang kuat dalam MIC dan kehadiran anaknya dalam parti tersebut melihatkan bayang-bayang beliau masih lagi menyelubungi parti berkenaan.

Ketua Publisiti dan Komunikasi, Vell Paari berkata kepada The Malaysian Insider awal minggu ini beliau telah ditawarkan untuk bertanding di kerusi milik bapanya, yang kini diduduki Presiden parti, Datuk Seri G Palanivel, namun beliau menolak tawaran tersebut.

"Presiden ada menawarkan kerusi kepada saya, mengatakan satu kerusi sudah sah untuk saya namun saya tidak dapat menerimanya," katanya.

Akhbar tempatan sebelum ini melaporkan sumber MIC akan mencadangkan nama Vell Paari untuk bertanding di Sungai Siput, yang mana tewas kepada Dr Jayakumar Devaraj daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM).

Dalam satu temu ramah, Vell Paari menyatakan beliau masih tidak layak untuk bertanding.

"Tidak adil untuk saya keluar bertanding hanya kerana ayah saya bekas presiden parti," katanya.

Tambahnya, MIC bukanlah seperti komponen BN yang lain yang mempunyai banyak kerusi dalam pilihan raya dan perlu mengisi calon yang lebih layak daripanya.

"Kami hanya ada sembilan kerusi Parlimen, kita menang empat (2008), yang mana saya yakin akan kekal.

"Kita perlu lagi lima calon yang layak," katanya.

Ditanya apa akan diberikannya kepada parti, Vell Paari menjelaskan, "saya mahu kekal, dan mampu melakukan banyak perkara dan setaraf."

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anak-samy-vellu-sahkan-tidak-bertanding-pru/>